

# Proses tender Eurocopter ikut peraturan

B.H M155 12/10/08

## Kerajaan tiada pengaruh terhadap harga

Oleh Jalal Ali Abdul Rahim dan Iwan Tun Tuah  
bhnews@bharian.com.my

**K**UALA LUMPUR: Kementerian Pertahanan semalam menguraikan secara terperinci rasional pemilihan helikopter Eurocopter EC725 bagi menggantikan Nuri dengan menegaskan proses pembelian dibuat mengikut peraturan, mengutamakan aspek teknikal dan timbal balas serta tidak dipengaruhi mana-mana pihak.

Dalam satu kenyataan di sini semalam, kementerian itu menjelaskan kerajaan tidak mempunyai pengaruh terhadap harga ditawarkan Eurocopter kerana ia dibuat secara tender terbuka antarabangsa.

Ketua Setiausahaanya, Datuk Abu Bakar Abdullah, berkata pembelian dibuat hasil kajian dan penilaian Jawatankuasa Penilaian Teknikal, Jawatankuasa Penilaian Timbal Balas serta Jawatankuasa Penilaian Harga dan dipersetujui Kementerian Kewangan.

Rumusan ketiga-tiga jawatankuasa itu dibentangkan pada Mesyuarat Lembaga Tender A pada 22 Julai lalu dan seterusnya diperakukan kepada Kementerian Kewangan pada 4 Ogos.

Pada 3 September lalu, Kementerian Pertahanan menerima keputusan dan persetujuan Kementerian Kewangan dan Kementerian Pertahanan mengeluarkan Surat Hasrat (LOI) kepada Eurocopter pada 15 September.

“Keputusan memilih Eurocopter EC725 dibuat berdasarkan tawaran leng-

kap oleh Eurocopter dan mendapat markah keseluruhan tertinggi yang meliputi penilaian teknikal dan timbal balas pada harga muna-sabah.

“Eurocopter juga menawarkan sistem yang terbukti dan memenuhi spesifikasi ketenteraan,” katanya.

Kenyataan itu dikeluarkan berikutan ada pihak mempersoalkan keputusan kerajaan membeli 12 pesawat Eurocopter bernilai RM2.3 bilion yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 26 September lalu.

Dalam surat Pengerusi Mentari Services Sdn Bhd, Datuk Zahar Hashim, disarkan di laman web beliau mendakwa tender Eurocopter adalah yang tertinggi dikemukakan.

Mengenai proses membuat keputusan, Abu Bakar menjelaskan TUDM menyediakan dokumen spesifikasi helikopter utiliti berkeupayaan mencari dan menyelamat (SAR) serta boleh dipertingkatkan keupayaannya untuk menjadi kombatan SAR bagi memperengkapkan pertahanan udara negara selepas Kabinet memutuskan pembelian pesawat baru menggantikan Nuri pada 18 Julai lalu.

Pada tahun sama, Unit Perancang Ekonomi (EPU) meluluskan pembelian dan di-

susuli satu tender terbuka antarabangsa diumumkan pada 7 November bagi membolehkan pembuat, pembekal dan ejen mengambil bahagian dalam tender itu.

Bagi memudahkan bakal penender mengemukakan tawaran masing-masing, satu sesi penjelasan ketika Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (Lima) diadakan pada 6 Disember 2007 bagi memberi penjelasan mengenai aspek teknikal dan operasi pesawat, manakala wakil Bahagian Industri Pertahanan memberi penjelasan berhubung keperluan pakej timbal balas.

Ini selaras surat Kementerian Kewangan pada 4 Februari 2005 berkaitan Dasar dan Garis Panduan Program Countertrade/Offset yang antara lain menetapkan bagi pembelian peralatan pertahanan bernilai Euro 10 juta atau lebih perlu mengandungi cadangan countertrade/offset.

Tender terbuka antarabangsa ditutup pada 12 Februari 2008 dan pada tarikh sama jam 12 tengahari, Jawatankuasa Membuka dan Menjadual Tender (JMMT), Kementerian Pertahanan membuka semua dokumen tawaran yang diterima dengan disaksikan wakil syarikat yang mengambil bahagian.

Abu Bakar juga menjelaskan, penilaian fizikal berhubung ciri-ciri pengendalian helikopter tidak perlu dilaksanakan di fasiliti ditetapkan penender dalam masa tarikh tutup tender (12 Februari 2008) sehingga dibawa kepada pertimbangan mesyuarat Lembaga Tender A (22 Julai 2008).

FAKTA NOMBOR

**RM2.3**  
**bilion**

Nilai 12 pesawat Eurocopter